

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**HGF 223 - Iklim dan Cuaca**

**Masa: [3 jam]**

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI  
DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. Huraikan sebab-sebab yang membawa kepada fenomena jerebu di Malaysia dan kemukakan cadangan-cadangan untuk mengatasinya.  

(25 markah)
2. “Penggunaan kenderaan bermotor merupakan sebab utama pencemaran udara di bandar-bandar besar di dunia”. Bincangkan.  

(25 markah)
3. (a) Dengan menggunakan contoh-contoh angin tempatan, huraikan bagaimana angin-angin tersebut telah diwujudkan oleh daya-daya tertentu.  

(12.5 markah)

(b) Huraikan bagaimana angin monsun mempengaruhi kitaran hidrologi di Malaysia.  

(12.5 markah)

4. “Rumah tradisi Melayu merupakan bangunan yang disesuaikan kepada iklim khatulistiwa”. Bincangkan.
- (25 markah)
5. (a) Lukis sebuah gambarajah untuk menggambarkan pengelasan jenis-jenis bencana di dunia.
- (5 markah)
- (b) Bincangkan sebab-sebab bencana “Gelombang Hangat” dan cadangkan cara-cara untuk mengatasinya.
- (20 markah)
6. Pola-pola aliran tenaga di dalam sistem bumi-atmosfera adalah berasaskan hukum termodinamik pertama dan kedua. Bincangkan.
- (25 markah)
7. Huraikan secara terperinci teori-teori kejadian hujan perolakan di Malaysia.
- (25 markah)
8. Bandingkan unsur-unsur cuaca di pusat bandaraya Georgetown dengan hutan simpanan Bukit Bendera. Jelaskan kenapa unsur-unsur tersebut berbeza-beza.
- (25 markah)